

**PEMIKIRAN EKONOMI SYEIKH DAUD  
AL-FATANI MENERUSI KITABNYA *FURŪ‘  
AL-MASĀ’IL* TUMPUAN KEPADA ELEMEN  
*FIQHICONOMIC*\***

**Islamic Economic Thoughts of Syeikh Daud Al-  
Fatani in His Book *Furū‘ Al-Masā’il*: Attention to the  
Elements of *FiqhiConomic***

**Hadenan Towpek \*\*  
Joni Tamkin Borhan \*\*\***

**ABSTRACT**

*This article attempts to understand the concept of Islamic economic thought according to Syeikh Daud al-Fatani with special attention to the elements of FiqhiConomic. The initial review of this article applies the content analysis method to scrutinize the elements of FiqhiConomic, as discussed in his masterpiece Furū‘ al-Masā’il and specifically in reference to the chapter of muamalat (financial transactions). This article identifies the concept of Islamic economic thought as a process of ijihad(reasoning) by*

- 
- \* Tulisan ini merupakan versi penambahbaikan daripada kertas kerja asal penulis bertajuk: “Pemikiran FiqhiConomic Syeikh Daud Al-Fatani: Suatu Analisis Teoritikal”, dalam Konferansi Antarabangsa Islam Borneo V (KAIB V), pada 26-27 Jun 2012, anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Bagawan, Brunei & Universiti Teknologi MARA Sarawak, bertempat di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong, Brunei Darussalam.
- \*\* Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak, hadenant@siswa.um.edu.my.
- \*\*\* Prof. di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, joni@um.edu.my.

*Muslim scholars, based on the basic sources of Islamic law and other supporting sources, to find ways to address and solve the problems of muamalat and economics. In addition, the element of FiqhiConomic is formulated as an Islamic jurisprudence approach in addressing and resolving the problems of the economy. In this article, the conceptual understanding of FiqhiConomic elements are discussed according to three dimensions sanad continuity of scholarship tradition, FiqhiConomic dynamic approach, and several economic concepts related thereto. This article concludes that Malay scholars such as Syeikh Daud al-Fatani have a strong legacy and a progressive thinking that has the potential to expand more in various disciplines including Islamic economic thought.*

**Keywords:** *Daud al-Fatani, Islamic Economic Thought, Furū' al-Masā'il, FiqhiConomic, Fiqh Muamalat*

## **PENDAHULUAN**

Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani diperakui mempunyai pengetahuan yang lebih daripada mencukupi untuk tampil sebagai seorang ulama utama Melayu-Indonesia pada tempoh transisi abad ke 18M dan 19M. Kehebatan keilmuan beliau belum lagi dapat ditandingi oleh ilmuan Islam selepas beliau hingga kini di Nusantara. Namun secara relatifnya tidak banyak tulisan yang mengetengahkan beliau sebagai tokoh ulama lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan bidang pemikiran ekonomi.

Sehubungan itu, tulisan ini terlebih dahulu memperkenalkan secara ringkas tokoh dan korpus penelitian, membincangkan mengenai konsep pemikiran ekonomi Islam. Kemudian, tulisan ini membincangkan elemen *FiqhiConomic* tokoh ini menerusi tiga dimensi iaitu kesinambungan tradisi keilmuan bersanad, dinamika pendekatan *FiqhiConomic*, dan konsep ekonomi yang berkaitan dengannya.

## **SYEIKH DAUD AL-FATANI DAN KITAB *FURŪ' AL-MASĀ'IL***

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik bin Tok Wan Abu Bakr bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali sebagai “Tok Syeikh Daud Fatani”. Beliau juga mendapat gelaran-gelaran lain seperti “*al-‘Alīm al-‘Allāmah al-‘Arīf al-Rabbānī*”, “Syeikh Daud Waliullah”, “Syeikh Daud Keramat” dan “Syeikh Daud Pengarang Kitab”. Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik pada tahun 1131H/1718M. Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarga sendiri iaitu daripada bapa dan datuknya, serta berkesempatan berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah terutamanya dari Yaman. Kemudian, beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun. Beliau wafat di Ta'if pada tahun 1265H/1847M. Sementara kitab ini pula, judul penuhnya ialah *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*. Ia dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Fatani pada tahun 1254H/1838M dan diselesaikan pada tahun 1257H/1841M. Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah didapati di Mekah sejak tahun 1880an lagi. Dalam bahasa Inggeris, *Furū' al-Masā'il* diterjemahkan sebagai ‘*branches of religious issues*’.<sup>1</sup>

Dari sudut keilmuan, Syeikh Daud al-Fatani disifatkan oleh Azyumardi Azra<sup>2</sup> sebagai tokoh ulama yang mempunyai pengetahuan yang lebih daripada mencukupi untuk menjadikan beliau tampil sebagai seorang ulama utama Melayu-Indonesia

---

<sup>1</sup> Hadenan Towpek, “Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Patani Dalam *Furū' Al-Masā'il* Dengan Tumpuan Kepada *Rubu' Al-Mu'āmalat*”, (*The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)*, 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang), 3-4.

<sup>2</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, c. 2. (Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, 1995), 266.

pada tempoh transisi abad ke 18M dan 19M. Bagi M.B. Hooker<sup>3</sup> pula menyimpulkan bahawa keilmuan dan ketokohan beliau belum dapat ditandingi oleh ilmuwan Islam pada zaman beliau dan zaman selepasnya sehingga kini. Manakala kajian-kajian Wan Mohd. Shaghir Abdullah<sup>4</sup> mendapati bahawa beliau adalah seorang ulama kitab prolific yang menghasilkan 69 judul karya pelbagai bidang yang dapat dikenalpasti, iaitu tauhid (13 judul), fiqh (22 judul), tasawuf (13 judul), sejarah (8 judul) dan bidang yang lain (13 judul).

Dalam tulisan ini, korpus kajian iaitu kitab *Furū' al-Masā'il* ini adalah berdasarkan versi cetakan Maṭba'ah Bin Ḥalabī, Patani Thailand, mempunyai dua jilid iaitu 275h. (jilid 1), 393h. (jilid 2), dengan 35 baris pada setiap halaman, dengan dicetak sebelah tepinya kitab *Kashf al-Ghummah* karya Syeikh Daud juga.

## PENGERTIAN PEMIKIRAN EKONOMI ISLAM

Frasa pemikiran ekonomi Islam boleh ditinjau pengertian dan pemahamannya dengan meneliti konsep pemikiran itu sendiri, kemudian mengaitkannya dengan konsep pemikiran ekonomi Islam. Perkataan pemikiran merujuk kepada perihal perbuatan memikir atau memikirkan. Perkataan memikir di sini pula difahamkan sebagai berfikir, mengingat, atau merenung tentang sesuatu. Sementara memikirkan pula dimengertikan sebagai menggunakan akal budi untuk menyelesaikan, mempertimbangkan atau merenungkan sesuatu; atau mengingat akan sesuatu; atau mementingkan atau mengutamakan sesuatu; memperhatikan,

---

<sup>3</sup> M.B. Hooker ed., *The Laws of South-east Asia (Vol. I: The-Modern Texts)*. (Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd, 1986), 363.

<sup>4</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Sejarah Rengkas Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan Karya-karyanya", (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991), 21; *Idem*, "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat", (Kertas Kerja Forum Ilmiah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995), 9; *Idem*, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, cet. 6 (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003), 15-16.

memperdulikan atau mengendahkan sesuatu.<sup>5</sup> Dalam bahasa Inggeris, perkataan pemikiran lazimnya dirujuk kepada perkataan *thought* iaitu *the formation of opinions, especially as a philosophy or system of ideas, or the opinions so formed*.<sup>6</sup>

Dalam konteks tulisan ini, pemahaman mengenai perkataan pemikiran adalah berlandaskan definisi yang dikemukakan oleh Abdul Halim Mat Diah (1987:2)<sup>7</sup> iaitu suatu corak pemikiran yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Ia adalah merupakan pancaran dari akidah Islamiyah yang lahir dari peribadi atau kelompok tertentu, sesuai dengan bimbingan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Pemikiran ini meresap ke dalam segala aspek baik dalam bidang kehidupan mereka secara peribadi atau anggota masyarakat. Dari pemikiran yang bersumberkan kepada ajaran Islam ini lahirlah konsep-konsep dalam segala bidang kehidupan; misalnya bidang akidah, ibadah, ekonomi, politik, pendidikan dan soal-soal kemasyarakatan pada keseluruhannya.

Selain itu, tulisan ini juga memanfaatkan definisi pemikiran Islam yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>8</sup> dan Wan Mohd Nor Wan Daud<sup>9</sup> sebagaimana yang telah dirumuskan oleh Mohd Farid & Noor Shakirah (2008:269)<sup>10</sup> sebagai semua bentuk berfikir yang menggunakan kemampuan

<sup>5</sup> *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 717-718.

<sup>6</sup> *The Concise Oxford Dictionary*, ed. ke-10 (Oxford: Oxford University Press, 1999), 1492.

<sup>7</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah, "Pemikiran Islam: Peranan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia", (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam: Ke Arah Pemikiran Islam di Malaysia, di Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 9-10 November 1987), 2.

<sup>8</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998).

<sup>9</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

<sup>10</sup> Mohd Farid bin Mohd Sharif & Noor Shakirah Mat Akhir, "Trend Pemikiran Islam dan Sudut Fokus Utama Zamannya: Tinjauan Dari Aspek Epistemologi", *Prosiding Seminar Fiqh & Pemikiran Islam Lestari* (Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008), 269.

akal untuk menjelaskan teks-teks agama agar mampu berinteraksi dengan masyarakat, masa dan tempat. Usaha ini dianggap sebagai satu ijtihad yang harus dipandang tinggi, mulia dan dihormati. Tetapi, hasil pemikiran yang walaupun lahir dari usaha ijtihad para agamawan namun jika ia bertentangan dengan prinsip-prinsip asasi dalam ajaran Islam, hasil pemikiran itu tidak boleh dianggap sebagai pemikiran Islam. Begitu juga, jika pemikiran itu hanya tersudut kepada penggunaan akal semata-mata atau sebaliknya iaitu menafikan terus kelebihan akal, maka idea seperti ini tidak boleh dianggap sebagai hasil sebuah pemikiran Islam.

Sementara frasa pemikiran ekonomi Islam pula tidak boleh berpisah bahkan tertakluk kepada tuntutan dan kehendak syariah sebagai kandungan utama dalam pembentukan suatu sistem ekonomi yang bercirikan Islam. Kenyataan ini berdasarkan pandangan Salah El-Sheikh, seorang profesor ekonomi Universiti St. Francis Xavier Kanada, dalam satu tulisannya iaitu:

*“What makes an economy ‘Islamic’ is shari‘ah: a huge corpus of moral and legal discourses, which was intended by scholars (jurists and theologians) of the second and third Islamic centuries to guide Muslims in their pursuit of a good and virtuous life (and which also qualifies them for paradises in the life after).”<sup>11</sup>*

Bagi pandangan sarjana ekonomi barat pula, umpamanya Joseph A. Schumpeter, seorang profesor ekonomi menyatakan bahawa doktrin pemikiran ekonomi diibaratkan sebagai:

*“...the history of the intellectual efforts that man made in order to understand economic phenomena, or which comes to the something the history of the analytic or scientific component of economic thought.”<sup>12</sup>*

---

<sup>11</sup> Salah El-Sheikh, “The Moral Economy of Classical Islam: A FiqhiConomic Model,” *The Muslim World* 98 (Januari 2008), 116.

<sup>12</sup> Joseph A. Schumpeter, *History of Economic Analysis*, E.B. Schumpeter (Ed. from MS) (New York: Oxford University Press, 1954), 3.

Eric Roll pula menanggapi pemikiran ekonomi sebagai suatu bidang yang membincangkan sejarah idea-idea yang bersifat selektif dan interpretatif. Setiap sarjana ekonomi lazimnya dibayangi oleh kecenderungan, jangkaan dan sikap prejudisnya. Senario ini mempengaruhi bagaimana ia diwariskan kepada generasi selepasnya.<sup>13</sup>

Sementara tulisan Jacob Oser & William C. Blanchfield<sup>14</sup> dan Stanley L. Brue & Randy R. Grant<sup>15</sup> mendapati bahawa kajian sejarah pemikiran ekonomi sebagai suatu disiplin ilmu pengetahuan yang secara berterusan berkembang sebagai idea-idea baru, masalah-masalah baru, dan nilai-nilai baru yang membuka ruang untuk pertimbangan semula terhadap isu-isu asas dan memberi penilaian baru terhadap teori-teori ahli ekonomi yang terdahulu.

Sementara dalam perspektif Islam pula, definisi pemikiran ekonomi Islam adalah tidak jauh bezanya dengan definisi yang dikemukakan oleh sarjana ekonomi barat, sebagaimana ditinjau definisi yang diberikan oleh Taysīr Radāwī<sup>16</sup> bahawa pemikiran ekonomi Islam sebagai idea atau teori yang dikemukakan oleh ahli ekonomi berkaitan aktiviti ekonomi yang berlaku. Teori-teori ini lahir bagi menyelesaikan sesuatu masalah ekonomi yang berlaku pada zaman mereka dan dibina berdasarkan pemerhatian, pengalaman, fenomena atau masalah semasa yang berlaku serta berpaksikan nilai-nilai kepercayaan mereka.

Definisi yang hampir sama juga dikemukakan oleh 'Abd al-Raḥmān Yusrā Aḥmad<sup>17</sup> yang menganggap pemikiran ekonomi Islam itu sebagai suatu kajian dan cara penyelesaian bagi mengatasi permasalahan ekonomi hasil ijtihad ulama Islam dalam masyarakat mereka pada masa yang berbeza dan percubaan mengeluarkan

<sup>13</sup> Eric Roll, *A History of Economic Thought* (London: Faber and Faber Ltd., 1954), 13.

<sup>14</sup> Jacob Oser & William C. Blanchfield, *The Evolution of Economic Thought* (New York: Harcourt Brace Jovanovich, 1975), v.

<sup>15</sup> Stanley L. Brue & Randy R. Grant, *The History of Economic Thought*, (*The Evolution of Economic Thought*) ed. ke-7 (USA: Thomson South-Western, 2007), xiii.

<sup>16</sup> Taysīr Radāwī, *Tārīkh al-Afkār wa al-Waqā'iq al-Iqtisādiyyah* (Paris: Mudīriyyah al-Kutub wa Maṭbū'ah al-Jāmi'iyah, 1981), 7.

<sup>17</sup> 'Abd al-Raḥmān Yusrā Aḥmad, *Tatawwur al-Fikr al-Iqtisād* (Iskandariyah: al-Dār al-Jam'iyah, 1996), 35.

teori bagi mengatasi masalah dalam konteks syariah Islam dengan mengambil kira objektif syariah serta menjaga kemaslahatan umat Islam. Definisi ini mengisyaratkan bidang pemikiran ekonomi Islam juga dihasilkan melalui proses ijtihad para sarjana Islam.

Dalam konteks ini, proses ijtihad secara teknikalnya didefinisikan oleh fuqaha dengan berbagai-bagai definisi yang berbeza mengikut penekanan masing-masing terhadap mana-mana aspek yang ada dalam ijtihad itu sendiri. Dalam konteks pembinaan hukum Islam, istilah ijtihad merujuk kepada suatu penelitian atau penyelidikan tentang hukum. Ia boleh memberikan kesimpulan-kesimpulan hukum kepada para mujtahid sebagaimana juga penyelidikan dan penelitian boleh memberikan kesimpulan-kesimpulan ilmu yang baru kepada penyelidik berkenaan. Sebagai suatu penyelidikan ia tentu sekali dilakukan mengikut kaedah-kaedah tertentu dan memerlukan kepada kepakaran tertentu pula.<sup>18</sup>

Sehubungan itu, pemikiran ekonomi Islam yang berada di landasan ijtihad memberi pemahaman dan pengertian bahawa ia bukanlah *naş* Quran mahupun hadis yang sama sekali tidak boleh berada di taraf yang sama. Ini kerana kandungan Quran itu adalah *kalāmullah* dan kandungan hadis adalah perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat Rasul SAW.<sup>19</sup> Sebaliknya, pemikiran ekonomi Islam itu adalah bersumberkan daripada akal fikiran manusia sendiri yang cuba meneroka dan memahami kandungan al-Quran dan hadis dalam berhadapan dengan persoalan perekonomian. Dalam hal ini, Tarek El Diwany menjelaskan bahawa:

*“Because economic activity is an inalienable part of human life, economic injunctions have been a part of Divine guidance throughout the ages, a theme that continues to apply in the Quran and sunnah. These part of the context in which the economic thinking of Muslims, comprising observation, description and*

---

<sup>18</sup> Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992), 75.

<sup>19</sup> ‘Abd al-Rahmān Yusrā Aḥmad, *Taṭawwur*, 35.



*analysis as well as policy studies and behavioural recommendations, have to be understood.*"<sup>20</sup>

Lantaran itu, buah pemikiran para sarjana Islam dalam menguruskan masalah ekonomi sudah pasti pokoknya berakar-umbi daripada panduan al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas dan juga *maqāsid shar'iyah*. Sungguhpun akar pemikiran mereka menggunakan sumber rujukan yang sama namun buah pemikiran mereka adalah berbeza lantaran proses pemahaman dan pentafsiran yang tidak sama dalam menghuraikan kehendak *naş* dalam konteks sesuatu masalah ekonomi yang berlaku pada zaman mereka.<sup>21</sup>

Dalam hal ini, pandangan yang dikemukakan oleh M.N. Siddiqi amat menarik untuk diperhatikan apabila beliau menyimpulkan bahawa sumber kepada semua pemikiran Islam ialah al-Quran dan Sunnah, bahkan pemikiran ekonomi juga tidak terkecuali. Sementara pemikiran dan tindakan yang dibuat oleh *Khulafā' Rāsyidīn* adalah dianggap sebagai suatu penerusan dan kesinambungan sunnah.<sup>22</sup> Dengan lebih jelas lagi, dalam satu tulisan yang lain, M.N. Siddiqi menyatakan bahawa:

*"Economic thought in Islam is the Muslim thinkers' response to the economic challenges of their times. In this endeavour, they were aided by the Quran and sunnah as well as by reason and experience."*<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> Tarek El Diwany ed., *Islamic Banking and Finance: What It Is and What It Could Be* (Bolton UK: 1<sup>st</sup> Ethical Charitable Trust, 2010), 14.

<sup>21</sup> Asmak Ab. Rahman, "*Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia*", (Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 2004), 16-17.

<sup>22</sup> M.N. Siddiqi, "Islamic Economic Thought: Foundation, Evaluation and Needed Direction", dalam Abul Hasan M. Sadeq et al., *Development & Finance in Islam* (Kuala Lumpur: International Islamic University Press, 1991), 21.

<sup>23</sup> M.N. Siddiqi, "History of Islamic Economic Thought", dalam Ausaf Ahmad dan Kazim Raza Awan, eds., *Lectures on Islamic Economics* (Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, 1992), 69.

Lantaran itu, bidang pemikiran ekonomi Islam begitu signifikan dibuat penelitian. Hal ini ditegaskan oleh seorang sarjana ekonomi Islam yaitu Monzer Kahf seperti berikut:

*“Such a study of the history of economic thought in Islam would help in discovering the roots of contemporary Islamic economic thought on one hand, and it would allow us to obtain a better understanding of the journey of Islamic economic thought through time on the other. Both of these enrich contemporary Islamic economics and open a broader scope for its conceptualization and application.”<sup>24</sup>*

Sebagai rumusannya, pemikiran ekonomi Islam merupakan suatu istilah khusus merujuk kepada suatu proses ijtihad para ahli fikir Islam dengan berpandukan sumber-sumber asas hukum Islam dan sumber-sumber sokongan yang lain, bagi mencari jalan menangani dan menyelesaikan masalah-masalah asas dalam bidang muamalat dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Islam khususnya, dan umat manusia sejagat.

## **ELEMEN-ELEMEN *FIQHICONOMIC* SYEIKH DAUD AL-FATANI**

### **Pengenalan**

Secara dasarnya, bidang pemikiran sebagai suatu tradisi keilmuan Islam yang mencakupi semua aspek kehidupan sudah pasti tidak meninggalkan bidang ekonomi, bahkan menjadikannya sebagai antara subjek perbahasan yang utama. Dari segi konseptual, pemikiran ekonomi Islam dianggap sebagai suatu istilah khusus yang merujuk kepada suatu proses ijtihad sarjana Islam dengan berpandukan sumber-sumber asas hukum Islam dan sumber-sumber sokongan yang lain, bagi mencari jalan menangani dan menyelesaikan masalah-masalah asas dalam bidang muamalat

---

<sup>24</sup> Monzer Kahf, *The Islamic Economy: Analytical Study of the Functioning of the Islamic System* (Indiana: The Muslim Students' Association of The United States and Canada, 1978), 7-8.

*cum* ekonomi yang dihadapi oleh umat Islam khasnya dan umat manusia sejagat amnya.<sup>25</sup>

Bertitik-tolak dari itu, perbincangan mengenai pemikiran ekonomi Islam yang semakin berkembang pesat sehingga membentuk suatu fenomena yang diibaratkan oleh Profesor Salah El-Sheikh sebagai *FiqhiConomic*. Istilah ini secara literalnya adalah gabungan dua perkataan iaitu *Fiqhi* dan *Economic*, yang difahamkan sebagai suatu proses asimilasi pemahaman fiqh sebagai landasan perundangan dan peraturan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan sehingga membentuk ciri-ciri ekonomi Islam yang bersepadu.<sup>26</sup>

Dalam konteks tulisan ini, pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani boleh diibaratkan mempunyai elemen-elemen *FiqhiConomic*, iaitu merujuk kepada pemahaman pemikiran ekonomi yang berlandaskan perbincangan hukum fiqh terutamanya fiqh muamalat sebagaimana yang dibincangkan dalam karya fiqhnya iaitu kitab *Furū' al-Masā'il*, dalam menangani dan menyelesaikan isu dan permasalahan ekonomi.

Skop pemikiran *FiqhiConomic* dalam tulisan ini dijuruskan secara khusus kepada sekitar perbincangan mengenai akad-akad muamalat iaitu akad transaksi kewangan dan pertukaran harta dalam konteks yang diizinkan oleh perundangan Islam yang bertunjangkan keadilan dan kesaksamaan. Hal ini mengisyaratkan bahawa Islam sebagai suatu sistem perundangan sangat mempengaruhi pembentukan corak pemikiran ekonomi seseorang tokoh pemikir. Dalam hal ini, Profesor Salah El-Sheikh menjelaskan bahawa perkara ini juga berlaku dalam pemikiran ekonomi konvensional iaitu setiap ekonomi itu amat perlu berfungsi dalam konteks terikat dengan rangka kerja sosial tertentu, yang diperincikan melalui falsafah moral dan sistem perundangan yang mantap.<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah, "Pemikiran Islam", 2; Taysīr Radāwī, *Tārīkh al-Afkar*, 7; 'Abd al-Rahmān Yusrā Aḥmad, *Taṭawwur*, 35.

<sup>26</sup> Salah El-Sheikh, "Islam's Moral Economy; A *FiqhiConomic* Interpretation", (Paper presented at AMSS 34<sup>th</sup> Annual Conference, Temple University, Philadelphia, Sept. 30 – Oct. 2, 2005)(Abstract).

<sup>27</sup> Salah El-Sheikh, "The Moral Economy", 116.

## Kesinambungan Tradisi Keilmuan Bersanad

Elemen *FiqhiConomic* Syeikh Daud al-Fatani yang ditanggapi sebagai salah satu ciri pemikiran ekonomi Islam adalah merupakan suatu ciri yang bukan baru malahan berulang, dalam pengertian bahawa elemen ini telahpun dibahaskan oleh para sarjana Islam terdahulu. Hal ini pada hemat penulis, merupakan suatu kesinambungan tradisi keilmuan Islam yang menjaga pertalian sanad keilmuan atau dikenali sebagai *genealogy of knowledge*.

Dalam hubungan ini, pada zaman taqlid setiap mazhab mempunyai sejumlah kitab fiqh sebagai produk pemikiran imam mujtahid, kemudian mujtahid berikutnya, serta para pengikut mazhab tersebut dari satu generasi ke generasi berikutnya secara berkesinambungan. Hal inilah yang melakarkan rumpun dan jaringan kekeluargaan genealogi kitab fiqh.<sup>28</sup>

Kenyataan ini boleh dikenal pasti dalam penerapan metode penulisan fiqh dalam *Furū' al-Masā'il* pada bab muamalat yang masih terpengaruh dengan tradisi keilmuan Islam generasi sebelumnya. Tradisi keilmuan ini boleh dikesan menerusi metode penulisan fiqh yang merangkumi aspek pendalilan yang berasaskan *naş* al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas selain daripada penggunaan dalil uruf dan adat setempat serta kaedah *qawā'id fiqhiyyah*. Umpamanya, metode pendalilan berasaskan al-Quran, hadis dan ijmak yang diterapkan secara bersama boleh dilihat dalam contoh berikut:

*“Adalah riba itu orang yang mengerjakan dia itu daripada yang terlebih besar daripada segala dosa besar-besar kerana naş di dalam kitab dan hadis dan ijmak kerana itu tiada diharuskan dia satu syariat daripada syariat anbiyā' dahulu-dahulu dan lagi tiada dituntut pada segala orang yang 'āşī berperang dengan dia melainkan yang memakan ribā dan baginya dan menyakiti akan walinya ditakut akhirnya kejahatan matinya.”<sup>29</sup>*

<sup>28</sup> Cik Hasan Bisri, *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian* (Bogor: Kencana, 2003), 294.

<sup>29</sup> Daud bin 'Abdullah al-Fatani, *Furū' al-Masā'il* (Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī, t. t.), 2:11, baris 5-9.

Manakala penggunaan *naş* hadis sebagai salah satu metode pendalilan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* boleh dilihat dalam contoh berikut:

*“...adapun sebab tiada sah dijual beli dengan diceraikan ibu dengan anaknya itu kerana Nabi SAW disebut Turmudhī dan Hākim atas syarat Muslim sabdanya barangsiapa menceraikan antara ibunya dan anaknya diceraikan Allah antaranya dan antara kekasihnya pada hari qiamat.”<sup>30</sup>*

Bagi metode pendalilan berasaskan ijmak pula diolah dengan menggunakan beberapa ibarat yang dapat dikenal pasti dalam korpus tulisan ini. Antara contohnya ialah:

*“... (dan) harus masuk kepada ḥamām dengan upah bial-ijmā' serta jahil dengan kadar berhenti padanya dan lainnya ...”<sup>31</sup>*

*“...(dan sah) diwaqaf benda yang tetap seperti rumah dan bumi dengan ijmak...”<sup>32</sup>*

Selanjutnya Syeikh Daud al-Fatani dalam mengukuhkan hujah dalam menulis bab muamalat dalam kitab *Furū' al-Masā'il* juga menggunakan metode qiyas sepertimana ditunjukkan dalam contohnya berikut:

*“... iaitu hukumnya [bay' istijrār] batal jua seperti hukum mu'ātāh tiada sah jika tiada disebutkan harganya tiap-tiap kali ambil berdosa ia sebab meninggal aqad jadi fasad perbuatannya tetapi halal nisbah pada akhirat tiada dihisabkan lagi bersalahan pada hukum dunia hendaklah dibalikkan jika ada dan jika sudah binasa dibayar mithalnya pada mithlī dan harga pada mutaqaawwim maka iapun daripada dosa kecil dan meharuskan dia pula Imam Ghazālī seperti pada mu'ātāh.”<sup>33</sup>*

<sup>30</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 15, baris 13-15.

<sup>31</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 115, baris 23-24.

<sup>32</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 122, baris 17.

<sup>33</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 4, baris 26-31.

Selain itu, elemen adat dan uruf sebagai metode pendalilan hukum fiqh turut digunakan Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furū' al-Masā'il* pada bab muamalat. Juhur ulama menyamakan pengertian uruf dan adat; namun ada mazhab fiqh yang membezakannya iaitu adat difahamkan bersifat lebih umum sementara uruf lebih khusus. Tiap-tiap uruf adalah adat tetapi tidak semua adat adalah uruf.<sup>34</sup> Bagi Syeikh Daud al-Fatani, beliau menggunakan secara langsung istilah adat atau uruf dalam mengolah metode ini. Antara contohnya ialah:

*“Adalah yang diiktibarkan dengan dikila [disukat] pada yang ada ghalib adat negeri Hijaz pada zaman Nabi SAW dan dengan timbang pada yang ditimbang pada zamannya dan pada yang lain daripada yang demikian itu diiktibarkan dengan timbang jika ada ia terlebih besar jirimnya (saiznya) daripada tamar seperti juz dan telur dan jika ada ia seumpamanya seperti buah luz atau zabib maka diikut adat negeri itu dengan apa yang dijualnya jika dengan sukat disukat atau dengan timbang.”<sup>35</sup>*

Bagitu juga kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id fiqhiyyah*) juga turut dikenal pasti menjadi salah satu metode pendalilan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* pada bab muamalat. Metode ini tidak dinyatakan secara langsung. Ia hanya dapat dikesan dan dikenal pasti setelah dibuat penelitian terhadap ibarat-ibarat yang beliau gunakan. Antara contohnya ialah:

- a. “Wajib atas *musharī* dan demikian lagi tiap-tiap tangan yang ada *ḍamānnya* wajib atas tuannya belanja mengembalikan dia bersalahan jika tangan amanah.”<sup>36</sup>

Contoh pertama ini boleh dikaitkan dengan kaedah fiqh, iaitu:

<sup>34</sup> ‘Umar bin ‘Abd al-Karīm al-Jīdī, *al-‘Urf wa al-‘Amal fī al-Madhhab al-Mālikī wa Maḥmūmihā Lada ‘Ulamā’ al-Ma‘rab* (Muhammadiyah al-Maghrib, 1984), 37.

<sup>35</sup> Daud bin ‘Abdullah, *Furū’*, 12, baris 4-8.

<sup>36</sup> Daud bin ‘Abdullah, *Furū’*, 24, baris 26-28.

(الْمُؤْتَمِنُ غَيْرُ ضَامِنٍ مَّا لَمْ يُفَرِّطْ)

Maksudnya: “Orang yang diberi amanah bukanlah pihak yang menanggung jaminan selagi mana dia tidak disia-siakan.”<sup>37</sup>

- b. “Maka dinamakan *ṣulḥ ibrā'* daripada setengah yang tinggal maka tiada boleh minta kembali apabila menegahkan orang yang dilepaskan dia daripada memberi yang tinggalnya...”<sup>38</sup>

Contoh kedua ini boleh dikaitkan dengan kaedah fiqh, iaitu:

(السَّاقِطُ لَا يَعُودُ كَمَا الْمَعْدُومُ لَا يَعُودُ)

Maksudnya: “Perkara yang digugurkan tidak akan kembali sebagaimana perkara yang luput juga tiada akan kembali.”<sup>39</sup>

Aspek pendalilan juga memperlihatkan pengarang berkecenderungan mengukuhkan hujah dan huraian dengan memetik pendapat fuqaha Shafii yang masyhur. Sebagai seorang ulama yang hidup pada zaman taqlid, Syeikh Daud al-Fatani tidak dapat lari daripada bertaqlid kepada mazhab Shafii. Lantaran itu, dalam penulisan *Furū' al-Masā'il* pada bab muamalat jelas menunjukkan beliau terpengaruh dengan pandangan ulama-ulama mazhab Shafii. Nama ulama yang paling kerap dipetik ialah Sheikh Ramlī (16 kali), kemudian diikuti oleh Sheikh 'Alī Shubrāmallasī (11 kali).

<sup>37</sup> Muḥammad Bakr Ismā'il, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah Bayn al-Aṣālāh wa al-Tawjīh* (Riyāḍ: Dār Manār, 1996), 217.

<sup>38</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 67, baris 24-25.

<sup>39</sup> 'Alī Aḥmad al-Nadawī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah: Maḥmūmah, Nash'atuhā, Taṭawwuruhā, Dirāsah Mu'allafātihā, Adillatuhā, Muḥimmatuhā, Taṭbīqātuhā* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2007), 410-411.

### **Dinamika Pendekatan *FiqhiConomic***

Sungguhpun elemen pemikiran ekonomi Islam dianggap sesuatu yang bukan baru malahan bersifat suatu pengulangan, namun ia tidak bermaksud bahawa sejarah pemikiran ekonomi Islam itu berjalan mengikut suatu pusingan (*circles*), dan pemikiran ekonomi tokoh ini bergerak kembali mengikut kedudukan period-period awal dalam pusingan yang sama. Tetapi, kenyataan ini sewajarnya difahamkan sebagai sejarah pemikiran ekonomi memperlihatkan satu pergerakan yang berbentuk putaran yang melingkar (*spirals*) dengan wujudnya daya penggerak maju ke hadapan.

Ini bertitik tolak daripada suatu kelaziman bahawa elemen pemikiran ekonomi adalah berupa pengulangan kepada elemen pemikiran yang telah dilaksanakan pada period-period sebelumnya. Namun, ia mempunyai perbezaan yang signifikan memandangkan perbezaan fenomena dan suasana yang dihadapi, serta mendapat input-input baru dalam penghujahan dan perdebatan.<sup>40</sup>

Sehubungan itu, dalam analisis elemen *FiqhiConomic* Syeikh Daud al-Fatani ini, konteks pergerakan mengikut putaran yang melingkar, memperlihatkan suatu kesinambungan dengan perbahasan idea-idea muamalat *cum* ekonomi sebelum ini dengan merujuk kepada sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh tokoh ini.

Tambahan pula, Syeikh Daud al-Fatani juga membawa pendekatan secara relatifnya, sesuatu yang belum wujud lagi pada era sebelumnya, iaitu dengan membandingkan dengan pendekatan yang dibuat oleh ulama-ulama Melayu Nusantara. Pada abad ke17M, antara ulama Melayu perintis dalam aktiviti penghasilan karya jawi pada period ini ialah Syeikh Nuruddin ar-Raniri dan Syeikh ‘Abdul Ra’uf al-Sinkili. Syeikh Nuruddin ar-Raniri (m.1068H/1658M) dianggap sebagai perintis dalam

---

<sup>40</sup> Brue & Grant, *The History*, 2.



penulisan karya fiqh apabila menghasilkan kitab jawi bertajuk *Sirāṭ al-Mustaqīm* (1044H/1634M).<sup>41</sup>

Sementara Syeikh 'Abdul Ra'uf al-Sinkili (1024-1105H/1615-1693M) pula menghasilkan kitab jawi bertajuk *Mir'at al-Ṭullāb* yang dianggap sebagai sebuah kitab dalam bentuk pengantar ilmu fiqh mengikut mazhab Shafii. Kandungan utamanya adalah mengenai ibadah dan ditambah dengan huraian masalah-masalah muamalat seperti hukum jual-beli, *ribā*, *khiyār*, *sharikah*, *qirād*, *ṣulḥ*, *hiwālah*, *ḍaman*, *wakālah*, *iqrār*, *musāqāh*, *lāqit* dan lain-lain.<sup>42</sup> Dalam konteks ini, al-Sinkili dianggap sebagai ulama pertama yang di wilayah Melayu-Indonesia yang menulis secara langsung mengenai fiqh muamalat.<sup>43</sup>

Selanjutnya tradisi pengkaryaan dalam karya agama diteruskan pada abad ke 18M dengan menyaksikan kemunculan ulama besar dari Kalimantan yang dikenali sebagai Syeikh Muḥammad Arshad al-Banjari (1122-1227H/1710-1812M). Karya utama beliau dalam bidang fiqh ialah *Sabīl al-Muhtadīn li Tafaqquh Amr al-Dīn*. Sungguhpun kitab ini dari segi kandungannya membahaskan masalah ibadah khusus seperti kitab *Sirāṭ al-Mustaqīm* oleh al-Ranirī, tetapi perbahasannya lebih luas dan mendalam, sesuai dengan tujuan asalnya untuk menyempurnakan kekurangan yang terdapat dalam karya ar-Raniri itu.<sup>44</sup> Namun, kitab ini tidak membahaskan bab muamalat.

Selepas period al-Banjari barulah Syeikh Daud al-Fatani muncul sebagai tokoh ulama besar dan pengarang kitab terbilang Nusantara. Beliau menghuraikan bab muamalat secara khusus dengan cakupan yang mendalam sebagaimana terdapat dalam kitab *Furū' al-Masā'il*. Umpamanya, beliau menghuraikan

<sup>41</sup> Azyumardi Azra, "Jaringan Ulama Jawi: Sejarah Wacana Religio-Intelektual Islam Nusantara", dalam ed. Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 2003), 97-98.

<sup>42</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 22.

<sup>43</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara*, 201-202.

<sup>44</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam*, 137-138.

jenis-jenis akad muamalat begitu komprehensif dan menyeluruh merangkumi hampir keseluruhan jenis-jenis akad muamalat. Jenis-jenis akad muamalat utama yang dihuraikan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* dirumuskan kepada 28 jenis akad sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Senarai 28 Tajuk Akad Muamalat Dalam *Furū' al-Masā'il*.

№	Senarai Tajuk	Halaman	№	Senarai Tajuk	Halaman
1.	<i>Al-Bay'</i>	2-11, 14-19, 27-29, 31-35	15.	<i>Al-Sharikah</i>	76-79
2.	<i>Al-Ribā</i>	11-14	16.	<i>Al-Wakālah</i>	79-86
3.	<i>Al-Khiyār</i>	19-27	17.	<i>Al-'Āriyyah</i>	93-97
4.	<i>Al-Tawliyyah, al-Ishrāk wa al-Muḍārabah</i>	30-31	18.	<i>Al-Ghasb</i>	98-104
5.	<i>Al-Ikhtilāf fī Kayfiyyat al-'Aqd</i>	35-37	19.	<i>Al-Shuf'ah</i>	104-107
6.	Jual Beli Hamba	37-39	20.	<i>Al-Qirād</i>	107-110
7.	<i>Bay' Salam</i>	39-43	21.	<i>Al-Musāqāh</i>	110-113
8.	<i>Al-Qard' wa al-Salaf</i>	43-47	22.	<i>Al-Ijārah</i>	113-118
9.	<i>Al-Rahn</i>	47-58	23.	<i>Ihyā' al-Mawāt</i>	118-121
10.	<i>Al-Taftīs</i>	58-62	24.	<i>Al-Waqf</i>	121-124
11.	<i>Al-Ḥajr</i>	63-67	25.	<i>Al-Hibah</i>	124-126
12.	<i>Al-Ṣulḥ</i>	67-71	26.	<i>Al-Luqāṭah</i>	126-128
13.	<i>Al-Ḥiwālah</i>	71-73	27.	<i>Al-Ju'ālah</i>	129-131
14.	<i>Al-Ḍamān</i>	73-76	28.	<i>Al-Wadī'ah</i>	131-134

Sumber: *Furū' al-Masā'il* versi *Maṭba'ah Bin Halābī*, Patani Thailand (t. t.)

## Beberapa Konsep Ekonomi Yang Relevan Dengan Elemen *FihiConomic*

Pada dasarnya elemen *FihiConomic* dalam korpus tulisan ini juga boleh ditinjau dari sudut tiga fungsi asas ekonomi iaitu pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Ketiga-tiga fungsi asas ekonomi ini tidak dinyatakan dan dihuraikan secara langsung dalam korpus kajian. Namun, ketiga-tiga fungsi asas ekonomi

ini secara tidak langsung menerbitkan beberapa konsep ekonomi yang mempunyai relevansi dengan bab muamalat dalam *Furū' al-Masā'il*. Konsep-konsep ekonomi Syeikh Daud al-Fatani ini relevan dengan persoalan paling asas dalam ekonomi iaitu bagi memenuhi kemahuan manusia yang amat luas sedangkan keupayaan dan sumber-sumber ekonomi adalah terbatas. Konsep-konsep ekonomi yang dikenal pasti, antaranya ialah:

1. *Konsep keutamaan dalam pengeluaran*; aktiviti-aktiviti ekonomi disusun mengikut carta keutamaan (*prioritization*) memperlihatkan aktiviti pertanian sebagai aktiviti ekonomi yang paling utama, diikuti dengan aktiviti bertukang kayu atau mengambil upah, kemudian aktiviti perniagaan.<sup>45</sup>
2. *Konsep hak awam berkaitan jalan raya*; pembinaan anjung, arked dan pancuran berhampiran jalan raya adalah dibenarkan selagimana tidak memudaratkan orang ramai yang lalu lalang di bawahnya. Sekiranya ia memberi kemudahan kepada orang ramai, pihak berkuasa berhak membuat tindakan yang wajar termasuklah merobohnya.<sup>46</sup>
3. *Konsep kuasa pilihan*; merujuk kepada pihak-pihak yang berakad mempunyai kuasa atau kebebasan untuk memilih atau menentukan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan akad yang telah dipersetujui, sebagaimana dihuraikan pada *bāb al-khiyār*.<sup>47</sup>
4. *Konsep tanda harga barangan*; barangan jualan adalah harus diletak atau dilebel tanda harga, bahkan sunat hukumnya meletakkan harga yang lebih rendah supaya dapat menarik lebih ramai pembeli.<sup>48</sup>
5. *Konsep jaminan hak pengguna dalam jual beli*; *bāb fī ḥukm al-mabī' qabl al-qabḍ*; mengenai barang jualan yang binasa sebelum diserahkan oleh pembeli adalah dalam *ḍamān* (liabiliti) penjual sama ada kebinasaannya berlaku sendiri atau dilakukan oleh penjual, umpamanya seperti mutiara jatuh ke dalam laut, burung lepas terbang, dan binatang yang liar lepas ke padang. Dalam hal ini, akad jual beli itu

<sup>45</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 3, baris 1-4.

<sup>46</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 68, baris 27-32.

<sup>47</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 19-27.

<sup>48</sup> Daud bin 'Abdullah, *Furū'*, 18, baris 14-17.

jadi fasakh dan pembeli tidak wajib membayar harganya.<sup>49</sup>

6. *Konsep tegahan sorokan (hoarding/ihtikār)*; perbuatan menyorok barang adalah tidak dibenarkan bahkan pihak berkuasa berhak bertindak termasuklah mengarahkan kepada peniaga tersebut menjual barangan yang disorok tersebut, demi kepentingan awam.<sup>50</sup>
7. *Konsep potongan harga (kaedah al-arsh)*; potongan harga atau rebet yang dibincangkan di bawah sub tajuk *khiyār ‘ayb*, serta sesuatu jumlah tertentu yang ditolak daripada harga barang jualan apabila wujudnya *‘ayb*.<sup>51</sup>

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas memberi gambaran bahawa ketokohan Syeikh Daud al-Fatani bukan sahaja dapat ditampilkan sebagai ulama kitab yang prolifik, tetapi beliau juga boleh ditampilkan sebagai seorang pemikir ekonomi Islam. Pemikiran ekonomi Islam beliau dalam konteks elemen *FiqhiConomic* iaitu pemahaman pemikiran ekonomi yang berlandaskan perbincangan hukum fiqh dalam menangani dan menyelesaikan isu dan permasalahan ekonomi. Hal ini diuraikan dalam tiga dimensi perbincangan iaitu kesinambungan tradisi keilmuan bersanad, dinamika pendekatan *FiqhiConomic*, dan konsep ekonomi yang berkaitan dengannya.

Justeru, sudah pasti kredibiliti ulama terdahulu dalam konteks Alam Melayu seperti Syeikh Daud al-Fatani memberi suatu gambaran jelas bahawa pemikiran golongan ulama terdahulu yang lazimnya dilabelkan bersifat ortodoks dan sempit, adalah merupakan suatu kenyataan yang boleh ditolak. Bahkan menerusi tulisan ini menjelaskan bahawa mereka mempunyai pemikiran ekonomi yang mantap dan progresif, yang boleh dijadikan sebagai asas dalam mengurus-tadbir dalam pelbagai bidang termasuklah bidang perbankan dan kewangan Islam.

---

<sup>49</sup> Daud bin ‘Abdullah, *Furū*’, 27, baris 5-10.

<sup>50</sup> Daud bin ‘Abdullah, *Furū*’, 18, baris 21-23.

<sup>51</sup> Daud bin ‘Abdullah, *Furū*’, 23.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Raḥman Yusrā Aḥmad. *Taṭawwur al-Fikr al-Iqtisād*. Iskandariyah: al-Dār al-Jam‘iyyah, 1996.
- Al-Nadawī, ‘Alī Aḥmad. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah: Maḥmūhā, Nash'atuhā, Taṭawwurruhā, Dirāsah Mu'allafātihā, Adillatuhā, Muhimmatuhā, Taṭbīqātuhā*. Damshiq: Dār al-Qalam, 2007.
- Al-Jīdī, ‘Umar bin ‘Abd al-Karīm. *Al-'Urf wa al-'Amal fī al-Madhab al-Mālikī wa Maḥmūmihā Lada 'Ulamā' al-Ma'rab*. Muḥammadiyyah al-Maghrib, 1984.
- Abdul Halim bin Haji Mat Diah. “Pemikiran Islam: Peranan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia.” Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam: Ke Arah Pemikiran Islam di Malaysia, di Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 9-10 November 1987.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Asmak Ab. Rahman. “Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia.” Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 2004.
- Azyumardi Azra. “Jaringan Ulama Jawi: Sejarah Wacana Religio-Intelektual Islam Nusantara.” Dalam ed. Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 2003.
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Cet. 2. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan, 1995.

- Cik Hasan Bisri. *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian*. Bogor: Kencana, 2003.
- Eric Roll. *A History of Economic Thought*. London: Faber and Faber Ltd., 1954.
- Al-Fatani, Daud bin ‘Abdullah. *Furū‘ al-Masā’il*. Jil. 2. Patani: Maṭba‘ah Bin Ḥalabī, t. t.
- Hadenan Towpek. “Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Furu‘ al-Masa’il Dengan Tumpuan Kepada Rubu‘ Al-Mu‘amalat.” (The 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011), 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang).
- Jacob Oser & William C. Blanchfield. *The Evolution of Economic Thought*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, 1975.
- Joseph A. Schumpeter. *History of Economic Analysis*. E.B. Schumpeter (Ed. from MS). New York: Oxford University Press, 1954.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- M.B. Hooker ed. *The Laws of South-east Asia* (Vol. I: The-Modern Texts). Singapore: Butterworth & Co. (Asia) Pte Ltd, 1986.
- M.N. Siddiqi. “History of Islamic Economic Thought.” Dalam Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan, eds., *Lectures on Islamic Economics*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, 1992.
- M.N. Siddiqi. “Islamic Economic Thought: Foundation, Evaluation and Needed Direction.” Dalam Abul Hasan M. Sadeq et al., *Development & Finance in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Press, 1991.
- Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992.

- Monzer Kahf. *The Islamic Economy: Analytical Study of the Functioning of the Islamic System*. Indiana: The Muslim Students' Association of The United States and Canada, 1978.
- Mohd Farid bin Mohd Sharif & Noor Shakirah Mat Akhir. "Trend Pemikiran Islam dan Sudut Fokus Utama Zamannya: Tinjauan Dari Aspek Epistemologi." *Prosiding Seminar Fiqh & Pemikiran Islam Lestari*. Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008.
- Muḥammad Bakr Ismā'il. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah Bayn al-Aṣālah wa al-Tawjīh*. Riyāḍ: Dār Manār, 1996.
- Salah El-Sheikh. "Islam's Moral Economy; A FiqhiConomic Interpretation." Paper presented at AMSS 34th Annual Conference, Temple University, Philadelphia, Sept.30–Oct.2, 2005(Abstract).
- Salah El-Sheikh. "The Moral Economy of Classical Islam: A FiqhiConomic Model." *The Muslim World*. Vol. 98, Januari 2008, 116-144.
- Stanley L. Brue & Randy R. Grant. *The History of Economic Thought, (The Evolution of Economic Thought)*. Ed.7. USA: Thomson South-Western, 2007.
- Tarek El Diwany ed. *Islamic Banking and Finance: What It Is and What It Could Be*. Bolton UK: 1st Ethical Charitable Trust, 2010.
- Taysīr Raḍāwī. *Tārīkh al-Afkār wa al-Waqā'iq al-Iqtisādiyyah*. Paris: Mudīriyyah al-Kutub wa Maṭbū'ah al-Jami'iyyah, 1981.
- The Concise Oxford Dictionary*. Ed. 10. Oxford: Oxford University Press, 1999.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

- Wan Mohd Nor Wan Daud. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1998.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. “Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat.” Kertas Kerja Forum Ilmiah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. “Sejarah Rengkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya.” Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*. Cet. 6. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003.